



Ruj : UKM KPD/262/2

Tarikh : 22 Mei 2017

Semua Pelajar
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.
(Kecuali Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat)

Saudara/i,

1. **PENILAIAN PENGAJARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2016-2017**
2. **PENDAFTARAN AWAL KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2017-2018**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan saudara/i dikehendaki membuat penilaian kursus yang diikuti pada Semester 2 Sesi Akademik 2016-2017 secara atas talian di laman web **SPPKE**, www.ukm.my/sppke mulai **5 hingga 18 Jun 2017** sebelum membuat pendaftaran awal Semester 1 Sesi Akademik 2017-2018.

Seterusnya, saudara/i **diwajibkan** membuat pendaftaran awal kursus Semester 1 Sesi Akademik 2017-2018 bermula **5 hingga 18 Jun 2017** di laman web **SMPE**, www.ukm.my/smpe. **Sebelum membuat pendaftaran sila rujuk terlebih dahulu penawaran kursus di laman web PKP mengikut mod pengajian masing-masing.** Pendaftaran awal ini **penting** bagi perancangan PKP untuk semester hadapan.

Semua kursus yang telah didaftarkan semasa pendaftaran awal dianggap akan diambil oleh pelajar melainkan pelajar gugur atau tarik diri kursus semasa tempoh gugur kursus atau tarik diri kursus. **ADALAH DIINGATKAN SEMULA BAHAWA PELAJAR YANG GUGUR ATAU TARIK DIRI KURSUS PADA SEMESTER HADAPAN AKAN DIKENAKAN CAJ SEPERTI YANG TERDAPAT DI DALAM PERATURAN AM KEWANGAN PKP.** Pastikan hanya kursus yang benar-benar ingin diikuti sahaja didaftarkan.

Kegagalan saudara/i berbuat demikian akan menyulitkan penyerahan bahan bacaan (untuk pelajar yang berkenaan sahaja). Keutamaan diberikan kepada pelajar yang membuat pendaftaran awal secara atas talian.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak kami di talian 03-8921 3375/3769/3546/3887. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,


PROF DR NORHAMIDI MUHAMAD
Pengarah

- s.k.
- Penyelaras Program, PKP
 - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, PKP
 - Ketua Jabatan Teknologi Maklumat & Sokongan Pembelajaran, PKP

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>